

PM: PASTIKAN JANGAN NYELELE WENG

UM 12 NOV 1981

KOTA KINABALU, 16
Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad hari ini mengingatkan pegawai-pegawai kerajaan supaya memastikan penyelewengan dan percanggahan kepentingan tidak berlaku akibat dari langkahi mereka melabur wang masing-masing dalam berbagai syarikat.

Perdana Menteri berkata, bila seseorang pegawai kerajaan membuat keputusan untuk melaburkan wangnya di dalam mana-mana syarikat, percanggahan kepentingan dan penyelewengan boleh berlaku jika ia tidak berhati-hati.

"Kerajaan bukan ingin menyekat peluang mereka untuk melabur, tetapi kalau tidak dijaga dengan betul, berbagai penyelewengan akan timbul," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir, membuat ingatan ini ketika merasmikan Wisma Khidmat - bangunan Syarikat Kerjasama Pengguna-Pengguna Perkhidmatan Awam Berhad yang berharga \$3.8 juta di sini petang ini.

OLEH:
KHALID MOHAMMAD

Perdana Menteri menegaskan, jika berlaku sebarang penyelewengan atau percanggahan kepentingan akibat dari pelaburan yang dibuat oleh pegawai-pegawai kerajaan, pentadbiran negara sudah pasti akan menjadi lemah.

Beliau juga mengingatkan, adalah menjadi satu kesalahan jika pegawai-pegawai kerajaan menubuhkan syarikat-syarikat mereka sendiri dan mereka juga ditegah menjalankan perniagaan semasa masih lagi dalam perkhidmatan.

Menurutnya, larangan ini adalah kerana jika mereka dibenarkan berbuat demikian, masa dan fikiran mereka sudah tentu akan terpesong kepada syarikat-syarikat yang mereka jalankan.

Di sinilah tegasnya, akan timbul penyelewengan dan percanggahan kepentingan pegawai-pegawai kerajaan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menasihatkan pegawai-pegawai kerajaan supaya mengambil tindakan untuk mengasingkan diri mereka dari kegiatan-kegiatan yang dilarang oleh peraturan-peraturan perkhidmatan awam.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, beliau tidak mahu pentadbiran negara menjadi lemah kerana perhatian dan minat para pegawai kerajaan beralih dari perkhidmatan awam kepada perniagaan sendiri.

"Sudah tentu kejadian seperti ini akan menjejaskan satu perkhidmatan yang licin dan akhirnya kerajaan akan menjadi lemah," katanya.

Perdana Menteri menambah, jika Malaysia tidak dapat ditadbir dengan sempurna keseluruhan rakyat akan terjejas kerana rancangan pembangunan tidak akan dapat berjalan lancar.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sejak Sabah Merdeka ia telah mencapai berbagai kemajuan yang mengagumkan dan golongan dalam perniagaan merupakan golongan

yang paling banyak mendapat nikmat dari kemerdekaan itu.

Dalam keadaan seumpama ini katanya, sudah

tentu semua pihak merebut peluang-peluang perniagaan yang wujud hasil dari proses pembangunan yang sedang berjalan pesat sekarang, termasuk pegawai-pegawai kerajaan.

Namun begitu, tambahnya, pegawai-pegawai kerajaan masih boleh berbuat demikian dengan membentuk koperasi masing-masing dan melabur melalui koperasi itu untuk sama-sama mengecap nikmat dari berbagai bidang perniagaan yang wujud sekarang.

Perdana Menteri berharap Syarikat Kerjasama Pengguna Perkhidmatan Awam Berhad akan dapat mengembangkan kegiatannya ke negeri-negeri lain termasuk negeri-negeri Semenanjung kerana ini boleh membantu penyatuan penduduk-penduduk yang terlibat.

Sambil berseloroh beliau berkata, terdapat orang-orang Sabah yang telah membeli tanah di Kuala Lumpur untuk membina bangunan-bangunan pencakar langit, "ini akan menguntungkan rakyat Sabah dan juga Semenanjung."